

Panduan Aktiviti Kelab Kewangan Pelajar Sekolah



MENABUNG
MENJAMIN
KESEJAHTERAAN



KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH

Prakata



“Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”

Pepatah Melayu lama ini amat relevan dengan penerbitan Buku Panduan Aktiviti Kelab Kewangan Pelajar Sekolah.

Kerjasama pintar antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Bank Negara Malaysia untuk menerbitkan buku ini bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk melahirkan pengguna yang bijak mengurus kewangan mereka dan berbelanja secara berhemat.

Buku panduan ini menjadi asas dan rujukan kepada guru penasihat Kelab Kewangan Pelajar Sekolah melaksanakan aktiviti di sekolah. Modul-modul dan aktiviti yang disediakan dapat membantu para guru mendidik serta melatih para pelajar menjadi pengguna yang bijak dalam pengurusan kewangan.

Akhir kata, adalah menjadi harapan kita supaya buku ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh para guru supaya masyarakat muda kita berpeluang mempelajari ilmu pengurusan kewangan sejak awal lagi.

Sekian.



Dato' Salleh Bin Mohd. Husein
Pengarah Bahagian Sekolah.

KANDUNGAN

CADANGAN PERANCANGAN AKTIVITI BULANAN KELAB KEWANGAN PELAJAR SEKOLAH (KKPS)	5
--	----------

MODUL 1 PENGENALAN

1.1 Matlamat KKPS	7
1.2 Perancangan Aktiviti KKPS	8
1.3 Pengenalan kepada Buku Wang Saku (BWS)	
1.3.1 <i>Tujuan BWS</i>	8
1.3.2 <i>BWS versi Sekolah Rendah</i>	8
1.3.3 <i>BWS versi Sekolah Menengah</i>	13
1.4 Program Sekolah Angkat	
1.4.1 <i>Tujuan</i>	16
1.4.2 <i>Pengenalan kepada bank angkat</i>	16
1.4.3 <i>Institusi kewangan yang terlibat dalam program sekolah angkat</i>	16

MODUL 2 LATIHAN PENGUKUHAN PENDIDIKAN KEWANGAN

2.1 Menguji Minda	17
2.2 Fakta Kewangan	
2.2.1 <i>Jenis institusi kewangan di Malaysia</i>	17
2.2.2 <i>Peranan wang dalam ekonomi</i>	18
2.2.3 <i>Pengiraan simpanan terkumpul</i>	20
2.2.4 <i>Maklumat am mengenai pengurusan kewangan</i>	21

MODUL 3 MELAYARI LAMAN WEB “DUITSAKU.COM”

3.1 Pengenalan kepada Laman Web “duitsaku.com”	
3.1.1 <i>Tujuan laman web “duitsaku.com”</i>	23
3.1.2 <i>Perisian laman web</i>	23
3.2 Prosedur menjadi Ahli	25
3.3 Laman Web lain yang Berkaitan dengan Pendidikan Kewangan	28

MODUL 4 LAWATAN KE BANK ANGKAT

4.1 Sesi Lawatan	
4.1.1 <i>Tujuan lawatan</i>	29
4.1.2 <i>Lawatan ke bahagian operasi bank</i>	29
4.2 Sesi Taklimat	
4.2.1 <i>Taklimat daripada wakil bank angkat</i>	29
4.3 Sesi Soal Jawab	
4.3.1 <i>Soalan - soalan panduan</i>	30

MODUL 5 AKTIVITI PENDIDIKAN KEWANGAN

5.1 Permainan Pandarosa	
5.1.1 <i>Tujuan permainan</i>	31
5.1.2 <i>Pengurusan permainan</i>	31
5.1.3 <i>Tapak permainan Pandorasa</i>	33
5.1.4 <i>Kandungan nota misteri kotak Pandora</i>	34
5.2 Kuiz Kewangan	
5.2.1 <i>Kuiz simpanan & pelaburan</i>	38
5.2.2 <i>Kuiz perbankan</i>	40

PASUKAN PENGGUBAL 46

LAMPIRAN

Borang Laporan Aktiviti KKPS

CADANGAN PERANCANGAN AKTIVITI BULANAN KELAB KEWANGAN PELAJAR SEKOLAH (KKPS)

JANUARI

Mesyuarat AJK 1/2006/Mesyuarat JK Penaja
(Sekolah yang baru menubuhkan KKPS)

Pendaftaran Ahli Baru	- Modul 1
Perancangan Aktiviti Tahunan	- Modul 1
Pengenalan Program Sekolah Angkat	- Modul 1
Pengenalan Buku Wang Saku (Panduan Merekod)	- Modul 1

FEBRUARI

Latihan Buku Wang Saku	- Modul 2
Mengemas kini Sudut KKPS/Sudut Bank	

MAC

Penerangan Perisian dan Pendaftaran Ahli Laman Web “duitsaku.com”	- Modul 3
---	-----------

APRIL

Mesyuarat AJK 2/2006	
Sesi Penerangan Fakta Kewangan	- Modul 2
Latihan Buku Wang Saku	- Modul 2

MEI

Lawatan ke Bank Angkat	- Modul 4
Pemantauan oleh JPN	
Penghantaran Borang Laporan Aktiviti KKPS Jan-Mei ke JPN	

JUN

Perkemahan Tahunan/Lawatan Berfokus	
Latihan Buku Wang Saku	- Modul 2

JULAI

Sesi Melayari Laman Web “duitsaku.com”
(berterusan sehingga akhir tahun) - Modul 3

Latihan Buku Wang Saku - Modul 2

OGOS

Mesyuarat AJK 3/2006

Ceramah Kerjaya & Motivasi oleh Bank Angkat

SEPTEMBER

Pertandingan Kuiz Kewangan - Modul 5

Pandorasa - Modul 5

Aktiviti Nilai-nilai Murni/Khidmat Masyarakat

OKTOBER

Mesyuarat Agung KKPS

Penyemakan Buku Wang Saku

Pemantauan oleh JPN

Penghantaran Borang Laporan Aktiviti KKPS Jun-Okt ke JPN

MODUL 1 - PENGENALAN

Untuk memperkenalkan kepada ahli-ahli kelab tentang Kelab Kewangan Pelajar Sekolah (KKPS), guru penasihat KKPS boleh memberi taklimat mengenai perkara-perkara am berkaitan dengan KKPS. Guru penasihat juga digalakkan memberi taklimat tentang Buku Wang Saku (BWS) supaya ahli-ahli kelab boleh mula mencatat setiap perbelanjaan dan wang saku mereka.

1.1 MATLAMAT KKPS

A. Matlamat KKPS

Mendidik para pelajar supaya dapat melakukan semua urusan kewangan dengan tertib, beretika dan bermoral tinggi, bersikap jujur dan amanah. Mengamalkan tabiat mengurus kewangan dengan cara yang lebih sistematik, berbelanja dengan bijak dan berpada-pada.

B. Matlamat Penubuhan KKPS

Matlamat penubuhan KKPS di sekolah adalah untuk:

- Mensasarkan perkembangan ilmu pendidikan kewangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan etika kewangan dan nilai moral yang murni kepada para pelajar.
- Memberi pengetahuan, kefahaman dan kepekaan kepada pelajar sekolah mengenai sektor kewangan dan ekonomi negara.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan pengetahuan dalam bidang kewangan yang diperoleh melalui pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah.
- Mewujudkan kerjasama dan perkongsian pintar antara sektor kewangan dengan sektor pendidikan melalui Program Sekolah Angkat.
- Membantu pelajar dalam pengurusan kewangan dan bukan kewangan seperti penggunaan sumber dan peralatan sekolah.
- Menjadikan institusi kewangan sebagai bank angkat kepada sekolah.

1.2 PERANCANGAN AKTIVITI KKPS

Aktiviti latihan yang dirancang mestilah berasaskan kepada usaha untuk memperbaiki cara mengurus kewangan seperti simpanan, pelaburan, perbelanjaan dan sebagainya di kalangan para pelajar.

Selain daripada modul 1-5, guru penasihat dan ahli KKPS boleh juga merancang untuk menjalankan aktiviti lain seperti yang berikut:

- Sudut Bank
- Hari Pendidikan Kewangan Bersama Bank Angkat
- Membuat lawatan ke destinasi yang berkaitan dengan pendidikan kewangan (contoh: Muzium Matawang Bank Negara Malaysia)
- Pertandingan merancang kewangan
- Program perkhemahan mengenai pengurusan kewangan
- Pengumpulan bahan kitar semula

1.3 PENGENALAN KEPADA BUKU WANG SAKU (BWS)

1.3.1 Tujuan BWS

BWS merupakan satu alat pendidikan kewangan yang memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai tatacara merancang, mencatat dan mengurus wang di tangan dengan tujuan mendidik pelajar supaya berhemat ketika berbelanja dan dapat mengawal penggunaan wang tunai di tangan setiap hari.

1.3.2 BWS versi Sekolah Rendah

Penggunaan BWS

Guru penasihat KKPS dan ahli kelab wajib membawa bersama mereka senaskhah BWS versi Sekolah Rendah. Pada umumnya kandungan BWS meliputi aktiviti:

- Gerak kerja membuat catatan harian pendapatan, perbelanjaan dan simpanan
- Peraduan mewarna
- Latihan menguji minda dan pengiraan simpanan terkumpul

Panduan membuat catatan

1. Mulakan catatan mengikut tarikh, hari dan minggu.

<i>Contoh</i>			
Januari Minggu Pertama			
Tarikh	Wang Saku A	Perbelanjaan B	Simpanan A-B
	RM		
03/01/20XX			
Jumlah Mingguan			

2. Catatkan jumlah wang saku yang diterima daripada semua sumber sama ada daripada ibu bapa atau punca-punca lain.

<i>Contoh</i>			
Januari Minggu Pertama			
Tarikh	Wang Saku A	Perbelanjaan B	Simpanan A-B
	RM		
03/01/20XX	12.00		
Jumlah Mingguan			

3. Catatkan setiap perbelanjaan harian.

<i>Contoh</i>			
Januari Minggu Pertama			
Tarikh	Wang Saku A	Perbelanjaan B	Simpanan A-B
	RM		
03/01/20XX	12.00	Tambang bas untuk lima hari 10.00	
		Air laici 0.40	
		Kuih (2) 0.60	
		Pembaris 0.50	
Jumlah Mingguan			

4. Catatkan baki daripada perbelanjaan yang boleh disimpan

<i>Contoh</i>			
Januari Minggu Pertama			
Tarikh	Wang Saku A	Perbelanjaan B	Simpanan A-B
	RM		
03/01/20XX	12.00	Tambang bas untuk lima hari 10.00	
		Air laici 0.40	
		Kuih (2) 0.60	
		Pembaris 0.50	0.50
Jumlah Mingguan			

5. Pada akhir setiap minggu, kira jumlah wang yang disimpan

Contoh			
Januari			
Minggu Pertama			
Tarikh	Wang Saku	Perbelanjaan	Simpanan
	A	B	A-B
RM			
03/01/20XX	12.00	Tambang bas untuk lima hari	10.00
		Air laici	0.40
		Kuih (2)	0.60
		Pembaris	0.50
04/01/20XX	2.00	Air soya	0.40
		Nasi lemak	0.80
05/01/20XX	3.00	Yuran kelas	1.00
		Air limau	0.40
		Nasi goreng	1.00
06/01/20XX	2.00	Air kotak	1.00
		Mi sup	0.80
07/01/20XX	20.00	Pensil warna	8.00
		Buku Latihan (2)	1.20
		Roti canai	0.60
			10.20
Jumlah Mingguan	39.00	26.70	12.30

6. Catatkan jumlah simpanan mingguan ke dalam **Jadual Simpanan Mingguan**.

<i>Contoh</i> Januari Minggu Pertama				
Tarikh	Wang Saku A	Perbelanjaan B		Simpanan A-B
	RM			
03/01/20XX	12.00	Tambang bas untuk lima hari	10.00	
		Air laici	0.40	
		Kuih (2)	0.60	
		Pembaris	0.50	0.50
04/01/20XX	2.00	Air soya	0.40	
		Nasi lemak	0.80	0.80
05/01/20XX	3.00	Yuran kelas	1.00	
		Air limau	0.40	
		Nasi goreng	1.00	0.60
06/01/20XX	2.00	Air kotak	1.00	
		Mi sup	0.80	0.20
07/01/20XX	20.00	Pensil warna	8.00	
		Buku Latihan (2)	1.20	
		Roti canai	0.60	10.20
Jumlah Mingguan	39.00		26.70	12.30

<i>Contoh</i> Simpanan Mingguan Januari			
Minggu	Jumlah Wang Saku A	Jumlah Prbelanjaan B	Jumlah Simpanan A-B
RM			
Pertama	39.00	26.70	12.30
Kedua	21.00	17.20	3.80
Ketiga	120.00	68.40	51.60
Keempat	22.00	17.90	4.10
Jumlah	202.00	130.20	71.80

7. Seterusnya, catatkan jumlah simpanan terkumpul bulanan ke dalam **Jadual Simpanan Bulanan**.

Contoh Jadual Simpanan Bulanan		
Bulan	Jumlah Simpanan (RM)	Catatan (RM)
<i>Jumlah Tahun Lepas</i>		
Januari	71.80	
Februari		
Mac		
April		

1.3.3 BWS versi Sekolah Menengah

Isi kandungan BWS

Guru penasihat KKPS dan ahli kelab wajib membawa bersama mereka senaskhah BWS versi Sekolah Menengah. Kandungan BWS ini meliputi:

- Catatan harian mengenai wang saku, perbelanjaan dan simpanan/pelaburan
- Peraduan teka silang kata
- Latihan menguji minda dan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan kewangan
- Maklumat mengenai pendidikan kewangan

Panduan membuat catatan

1. Mulakan catatan mengikut tarikh, hari dan minggu.

Catatan Harian Wang Masuk dan Keluar

Minggu Pertama					
	Wang Masuk (A)			Wang Keluar (B)	
Tarikh	Sumber	RM		Penggunaan	RM
1/2/05 (Selasa)					

2. Catatkan setiap sumber wang yang diterima.

Catatan Harian Wang Masuk dan Keluar

Minggu Pertama						
	Wang Masuk (A)			Wang Keluar (B)		Baki b/b (A-B)
Tarikh	Sumber	RM		Penggunaan	RM	RM
1/2/05 (Selasa)	Wang Saku	12				
	Mak Cik	5				
		17				

3. Catatkan setiap penggunaan wang.

Catatan Harian Wang Masuk dan Keluar

Minggu Pertama						
	Wang Masuk (A)			Wang Keluar (B)		Baki b/b (A-B)
Tarikh	Sumber	RM		Penggunaan	RM	RM
1/2/05 (Selasa)	Wang Saku	12		Makan tengah hari	2	
	Mak Cik	5		Tambang	5	
				Buku	4	
				Alat Tulis	2	
				Kuih	1	
			17			14

4. Bagi setiap catatan, kirakan jumlah perbezaan antara wang masuk dengan wang keluar. Jumlah ini adalah baki yang perlu dibawa ke bawah (Baki b/b) untuk transaksi berikutnya.

Minggu Pertama						
	Wang Masuk (A)			Wang Keluar (B)		Baki b/b (A-B)
Tarikh	Sumber	RM		Penggunaan	RM	RM
1/2/05 (Selasa)	Wang Saku	12		Makan tengah hari	2	3
	Mak Cik	5		Tambang	5	
				Buku	4	
				Alat Tulis	2	
				Kuih	1	
		17			14	
2/2/05 (Rabu)	Baki b/b	3		Makan tengah hari	2	
	Wang Saku	20		BSN (Simpanan)	10	
		23			12	11

5. Selanjutnya, catatkan semua simpanan (sama ada simpanan, pelaburan atau tabungan) dan pengeluaran wang dalam “Jadual Simpanan dan Pengeluaran” bulanan.

Jadual Simpanan dan Pengeluaran

Minggu	Tarikh	Tempat	Wang Masuk	Wang Keluar	Baki Simpanan Terkumpul		
					Simpanan	Pelaburan	Tabung
					RM	RM	RM
Pertama	02/02/05	Bank-BSN	10	0	10	0	0
		Jumlah					
Kedua							
		Jumlah					

1.4 PROGRAM SEKOLAH ANGKAT

1.4.1 Tujuan

Untuk mewujudkan kerjasama dan perkongsian pintar antara sekolah dengan institusi kewangan, dengan menjadikan institusi kewangan sebagai bank angkat kepada sekolah.

1.4.2 Pengenalan kepada bank angkat

Guru penasihat KKPS boleh memberi sedikit sebanyak penerangan kepada ahli kelab mengenai latar belakang bank angkat sekolah. Sebagai contoh, nama bank, alamat, nama pengurus cawangan dan sebagainya.

1.4.3. Institusi-institusi kewangan yang terlibat dalam program sekolah angkat

A. Bank Perdagangan

- Affin Bank Berhad
- Alliance Bank Berhad
- AmBank Berhad
- Bumiputra-Commerce Bank Berhad
- EON Bank Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- Malayan Banking Berhad
- Public Bank Berhad
- RHB Bank Berhad
- Southern Bank Berhad

B. Bank-bank Islam

- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad

C. Institusi Kewangan Pembangunan

- Bank Simpanan Nasional
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Bank Pertanian Malaysia Berhad

D. Syarikat Insurans

- Takaful Nasional Berhad

MODUL 2 - LATIHAN PENGUKUHAN PENDIDIKAN KEWANGAN

Guru penasihat KKPS boleh menggunakan latihan menguji minda yang disediakan dalam modul ini sebagai aktiviti sampingan bersama dengan ahli kelab, bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan mengenai pendidikan kewangan. Seterusnya, satu sesi perbincangan boleh diadakan untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar-tukar pendapat di kalangan ahli kelab. Guru penasihat KKPS juga boleh memberitahu ahli kelab tentang fakta kewangan yang disediakan di bawah.

2.1 MENGUJI MINDA

Untuk latihan menguji minda, sila rujuk latihan yang terdapat dalam BWS.

2.2 FAKTA KEWANGAN

2.2.1 Jenis institusi kewangan di Malaysia

Terdapat beberapa jenis institusi kewangan utama di Malaysia, iaitu:

1. Bank perdagangan

Merupakan institusi perbankan konvensional yang utama dalam ekonomi. Institusi ini menerima deposit dan menawarkan pinjaman kepada orang ramai dan sektor perniagaan. Bank perdagangan merupakan institusi penggerak dana yang didepositkan atau dilaburkan melalui akaun simpanan, akaun semasa, akaun simpanan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan instrumen kewangan dan pelaburan yang lain. Institusi ini kemudiannya meminjamkan semula deposit yang diterima kepada orang ramai dan sektor perniagaan dalam bentuk pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan, pinjaman sewa beli, kad kredit dan sebagainya. Selain itu, ia juga menyediakan kemudahan pemindahan dana serta perkhidmatan lain.

2. Bank pelaburan

Menumpukan operasinya kepada perbankan 'borong'. Bank pelaburan menerima deposit borong, menjalankan aktiviti pemberian pinjaman bagi melengkapkan aktiviti berasaskan fi yang dijalankan dan menawarkan pelbagai aktiviti perbankan pelaburan, antara lain termasuk nasihat kewangan, penajajaminan, pengurusan portfolio dan perkhidmatan brokeraj ekuiti.

3. Bank Islam

Mempunyai tujuan yang sama dengan perbankan konvensional melainkan operasinya adalah berlandaskan prinsip Syariah, yang dikenali sebagai Fiqh al-Muamalat (peraturan Islam dalam urusan niaga). Prinsip dasar perbankan Islam ialah perkongsian untung dan rugi dan larangan atas riba' (faedah). Antara konsep Islam yang selalu digunakan dalam perbankan Islam ialah perkongsian untung (Mudharabah), simpanan (Wadiah), usaha sama (Musyarakah), kos tokok (Murabahah) dan sewaan (Ijarah).

4. Institusi kewangan pembangunan

Institusi ini ditubuhkan bagi pembangunan sosioekonomi tertentu selaras dengan rancangan Kerajaan. Selain menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan, institusi ini juga memberikan bantuan pinjaman untuk projek-projek khusus. Contoh institusi seperti ini ialah Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

5. Syarikat insurans

Mengumpulkan wang melalui pembelian insurans oleh pelanggan. Misalnya insurans hayat, insurans kecurian, insurans kemalangan dan sebagainya. Syarikat ini berjanji akan membayar ganti rugi kepada pelanggan sekiranya berlaku sesuatu musibah atas pelanggan. Oleh itu pelanggan perlu membayar premium atas insurans yang mereka ambil.

6. Institusi kewangan lain

Terdapat institusi kewangan lain yang perannya hanya khusus kepada kegiatan tertentu. Contohnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji.

2.2.2 Peranan wang dalam ekonomi

Wang boleh didefinisikan sebagai suatu barang yang diterima umum sebagai alat perantaraan dalam kegiatan jual beli dan urusan niaga lain. Misalnya, wang kertas diterima oleh masyarakat sebagai alat perantaraan dalam melakukan jual beli atau tukar menukar. Wang memainkan peranan yang penting dalam ekonomi kita.

1. Ciri-ciri wang

Suatu barang yang dipersetujui untuk digunakan sebagai wang harus mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- Nilainya stabil dari masa ke masa.
- Mudah dibawa, dipindahkan dan disimpan.
- Tahan lama dan tidak berubah bentuk atau kualiti dalam jangka masa panjang.
- Penawarannya terhad dan tidak mudah ditambah dalam jangka masa panjang.
- Sukar ditiru.
- Mudah dibahagikan kepada unit-unit yang lebih kecil.

2. Fungsi wang

• Alat perantaraan pertukaran

Dengan menggunakan wang, individu yang menginginkan sesuatu barang tidak lagi memerlukan dua kehendak serentak. Beliau hanya perlu membayar wang kepada penjual untuk mendapatkan barang berkenaan. Penjual pula boleh menggunakan wang tersebut untuk mendapatkan barang yang diperlukannya.

• Alat perbandingan nilai

Dengan menggunakan wang, individu akan menilai sesuatu barang dalam unit wang iaitu ringgit dan sen. Misalnya, barang X bernilai RM10 dan barang Y bernilai RM50. Dengan ini, pembeli boleh membandingkan nilai sesuatu barang dengan barang yang lain dalam unit ukuran yang sama. Pembeli tidak perlu lagi mengingatkan nilai pertukaran yang pelbagai untuk sesuatu barang yang diinginkan.

• Menyelesaikan bayaran tertunda

Wang boleh digunakan dalam urus niaga kredit kerana nilainya yang stabil. Dalam ekonomi yang stabil tanpa inflasi yang tinggi, peniaga sanggup menjual barang secara kredit kerana nilai benar wang semasa penerimaan adalah sama dengan nilai benar wang semasa penjualan barang.

• Alat penyimpan nilai

Wang boleh dijadikan sebagai alat penyimpan nilai yang baik kerana nilainya yang stabil dan sifatnya yang tahan lama. Dalam ekonomi yang stabil, masyarakat cenderung menyimpan kekayaan dalam bentuk wang di institusi kewangan untuk memenuhi perbelanjaan pada masa akan datang. Dengan menyimpan kekayaan dalam bentuk wang, maka penabung akan dibayar faedah atas tabungan mereka.

2.2.3 Pengiraan simpanan terkumpul

Situasi berikut memberi anda panduan mudah untuk mengira pulangan daripada simpanan anda.

- Andaikata anda menyimpan RM100.00 dalam akaun simpanan anda yang memberi pulangan sebanyak 10% setahun, berapakah baki wang anda selepas tempoh setahun? Anda akan memperoleh baki sebanyak RM110.00.

Cara pengiraan

$$= \text{Simpanan asal} \times (1 + F)^m$$

* 'F' ialah kadar faedah setahun dan 'm' ialah jumlah tahun.

$$= \text{RM}100.00 \times (1 + 0.1)^1$$

$$= \text{RM}100.00 \times 1.1$$

$$= \text{RM}110.00$$

- Jika anda menyimpan sebanyak RM100.00 dengan kadar faedah 10% setahun, berapakah baki wang anda selepas tempoh 2 tahun?

Cara pengiraan

$$= \text{Simpanan asal} \times (1 + F)^m$$

$$= \text{RM}100.00 \times (1 + 0.1)^2$$

$$= \text{RM}100.00 \times 1.21$$

$$= \text{RM}121.00$$

- Jika pada tahun pertama anda menyimpan RM100.00 dengan kadar faedah 10% setahun dan pada tahun kedua, anda menyimpan lagi sebanyak RM100.00 dengan kadar faedah 12% setahun, berapakah baki wang simpanan anda pada akhir tahun kedua?

Cara pengiraan

Tahun 1

$$= \text{Simpanan asal} \times (1 + F)^m$$

$$= \text{RM}100.00 \times (1 + 0.1)$$

$$= \text{RM}100.00 \times 1.1$$

$$= \text{RM}110.00$$

Tahun 2

$$\begin{aligned}
&= \text{Baki tahun 1} \times (1 + F \text{ tahun ke-2})^m + \text{Simpanan tahun 2} \times (1 + F \text{ tahun ke-2})^m \\
&= [(\text{RM}110.00 \times (1 + 0.12))] + [(\text{RM}100.00 \times (1 + 0.12))] \\
&= (\text{RM}110.00 \times 1.12) + (\text{RM}100.00 \times 1.12) \\
&= \text{RM}123.20 + \text{RM}112 \\
&= \mathbf{\text{RM}235.20}
\end{aligned}$$

“Pulangan sebanyak RM35.20 dengan simpanan sebanyak RM200.00 selama 2 tahun”

2.2.4 Maklumat am mengenai pengurusan kewangan

Berikut ialah soalan yang biasa ditanya berkenaan dengan ekonomi dan pengurusan kewangan.

1. Bagaimanakah anda menggandakan simpanan?

Apabila anda mempunyai simpanan di tangan, anda boleh menjadikan jumlah wang itu berganda. Salah satu caranya adalah dengan menyimpan wang anda di bank dengan memperoleh kadar faedah atau pulangan dalam kes bank Islam. Anda juga akan mendapat pulangan jika anda melaburkan wang anda melalui pelbagai jenis produk pelaburan dalam pasaran. Dengan mengamalkan tabiat suka menyimpan dan melabur, anda boleh menggandakan wang simpanan anda.

2. Apakah pelaburan?

Anda digalakkan melabur wang anda untuk mendapatkan pulangan atas pelaburan itu. Terdapat pelbagai jenis produk pelaburan, seperti pelaburan dalam saham. Namun demikian sebelum melabur, anda perlu mengetahui bahawa pada amnya, produk pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi merupakan pelaburan yang berisiko tinggi. Sebaliknya, produk pelaburan yang dianggap “selamat” seperti saham amanah yang memberi pulangan yang lebih rendah, mempunyai risiko yang rendah.

3. Pembayaran melalui kad kredit

Kad kredit merupakan satu instrumen pembayaran tanpa melibatkan wang tunai. Anda boleh menggunakannya di mana-mana kedai yang mempamerkan jenama kad kredit anda. Apabila menggunakan kad kredit, pengeluar kad kredit akan membuat pembayaran kepada peniaga terlebih dahulu bagi pihak anda dan menghantar bil kepada anda kemudian hari. Anda juga boleh mendapatkan pendahuluan wang tunai melalui kad kredit anda.

4. Perbankan Islam

Perbankan Islam berlandaskan Syariah dikenali sebagai Fiqh al-Muamalat (peraturan Islam dalam urus niaga). Prinsip dasar perbankan Islam ialah perkongsian untung dan rugi dan larangan atas riba' (faedah). Antara konsep Islam yang selalu diguna pakai ialah perkongsian untung (Mudharabah), simpanan (Wadiah), usaha sama (Musyarakah), kos tokok (Murabahah) dan sewaan (ijarah).

5. Apakah inflasi?

Pada umumnya, inflasi berlaku apabila permintaan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan adalah lebih tinggi berbanding dengan penawaran bagi barang atau perkhidmatan itu. Juga, inflasi berlaku apabila kos input bagi sesuatu barang itu meningkat, misalnya kenaikan harga minyak. Akibatnya, harga bagi barang atau perkhidmatan tersebut akan meningkat. Dalam situasi ini, kuasa membeli seseorang berkurangan akibat kenaikan harga barang berkenaan. Oleh yang demikian, anda harus mengamalkan sikap berbelanja secara bijak dan berhemah supaya keupayaan anda membeli barang keperluan harian tidak terjejas.

MODUL 3 - MELAYARI LAMAN WEB “DUITSAKU.COM”

Guru penasihat KKPS digalakkan mengendalikan sesi ini di makmal komputer bersama-sama dengan ahli kelab.

3.1 PENGENALAN KEPADA LAMAN WEB “DUITSAKU.COM”

3.1.1 Tujuan laman web “duitsaku.com”

Laman web “duitsaku.com” ini merupakan satu platform kepada para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan mengenai pendidikan kewangan melalui kaedah pembelajaran interaktif. Ia juga sebahagian daripada langkah untuk menambah pengetahuan dan kebijaksanaan pelajar dalam hal ehwal kewangan, supaya mereka cekap dan mahir mengendalikan perancangan kewangan.

3.1.2 Perisian laman web

Laman web ini terbahagi kepada:

- Ruangan untuk sekolah rendah (7 - 12 tahun). **Maskot - Si Mut**
- Ruangan untuk sekolah menengah (13 - 17 tahun). **Maskot - Sang Lebah**

Kedua-dua ruangan ini terbahagi kepada 5 Zon:

1. Zon Maklumat (Info Zone)

Di zon ini, pelajar boleh mendapatkan maklumat mengenai pendidikan kewangan termasuk sejarah Program Pendidikan Kewangan, sejarah Buku Wang Saku dan Program Sekolah Angkat. Di laman ‘Students Financial Club’ pelajar boleh mendapatkan maklumat mengenai KKPS seperti aktiviti yang sesuai dijalankan semasa perjumpaan tersebut dan juga cara hendak menubuhkan KKPS. Semua maklumat ini boleh didapati melalui laman berikut:

- Latar belakang Sejarah (Historical Background)
- Buku Wang Saku
- Gambar (Gallery)
- Program Sekolah Angkat (School Adoption Programme)
- Kelab Kewangan Pelajar Sekolah (Students Financial Club)

2. Zon Membaca (Reading Zone)

Di zon ini, pelajar boleh membaca artikel mengenai aktiviti Program Sekolah Angkat yang telah dijalankan dan berita mengenai Program Sekolah Angkat. Di zon ini juga, pelajar boleh mempelajari tentang fakta-fakta menarik dan istilah-istilah mengenai

pengurusan kewangan serta nama mata wang negara-negara lain. Di samping itu juga, dengan melayari zon ini pelajar boleh melawat Muzium Matawang Bank Negara Malaysia secara maya.

Sila layari halaman-halaman berikut yang terdapat dalam zon ini:

- Rencana (Articles)
- Ringgit DOB
- Mata wang Dunia (World Currencies)
- Bilik Berita (News Room)
- Fakta Menarik (Fun Facts)
- Glosari (Glossary)

3. Zon Ria (Fun Zone)

Di zon ini, pelajar berpeluang untuk mengasah minda dan memperkembangkan pengetahuan mereka berkaitan pengurusan kewangan dengan mengambil bahagian dalam ujian cabaran minda melalui kuiz dan juga permainan interaktif. Pelajar juga dapat mempelajari cara-cara merancang strategi kewangan peribadi dengan menggunakan kalkulator yang disediakan di zon ini. Di zon ini, pelajar akan menemui pelbagai laman menarik dan menyeronokkan. Tambah ilmu pengetahuan kewangan sambil berhibur di laman berikut:

- Teka Silang Kata (Crossword Puzzle)
- Menguji Minda (Brain Basher)
- Permainan (Games)
- Menyanyi Bersama (Sing Along)
- Kalkulator (Calculators)
- Penukar Mata Wang (Currency Converter)

4. Zon Kelab (Club Zone)

Zon ini dikhaskan kepada ahli yang berdaftar sahaja. Keahlian laman web ini percuma. Dengan menjadi ahli duitsaku.com, pelajar berpeluang memperoleh ilmu yang bermanfaat di samping berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman dengan sahabat siber dari seluruh negara yang menjadi ahli laman web ini. Pelajar yang menjadi ahli laman web ini juga akan berpeluang berhubung dengan e-kaunselor untuk mendapat khidmat nasihat mereka. Ahli laman web ini juga boleh menghantar kad ucapan elektronik beranimasi kepada rakan, guru dan keluarga masing-masing. Di zon ini, anda akan dapat menggunakan kemudahan di atas melalui laman berikut:

- Sudut Diskusi (Discussion Corner)
- e-Kaunselor (e-Counselor)
- e-Kad (e-Cards)
- Tinjauan (Survey)

5. Zon Muat Turun (Download Zone)

Zon ini menyediakan Buku Wang Saku secara elektronik yang boleh dimuat turun untuk kegunaan pelajar bagi menjadikan pengurusan kewangan harian sebagai satu aktiviti yang menyenangkan. Di samping itu, zon ini juga menyediakan bahan-bahan menarik yang boleh dimuat turun seperti yang berikut:

- Screensaver
- Wallpaper

3.2 PROSEDUR MENJADI AHLI

Untuk menjadi ahli, ikutilah langkah-langkah berikut:

LANGKAH 1

A. Layari laman web <http://duitsaku.com>

B. Kemudian, klik “Join Now”



LANGKAH 2

A. Masukkan “Username” anda

- Antara 6-15 huruf / angka
- Jangan gunakan huruf besar
- Jangan gunakan simbol (“ , * , ?)
- Contoh “Username” **ahmad2005**

B. Kemudian masukkan Kata Laluan (“Password”)

- Antara 6-15 huruf / angka
- Contoh : **qwerty1**

C. Masukkan kata laluan ini sekali lagi

D. Setelah itu, tekan butang “next”

duitaku.com
Be smart and money wise

HOME REGISTER LOGIN FAQ

DuitSaku.com Membership Registration

Step 1: Select Username and Password

1 Please select your own username and password, (You will need to login with this username and password to access our "member only" sections in this website).

2 Click NEXT to proceed.

A

Username :

- Between 6-15 characters
- Do not use CAPITAL LETTERS
- Do not use special symbols (e.g. *, ?,)
- Example: username_1

B

Password :

- Between 6-15 characters
- Example: password1

C

Retype password :

D

Next

Unit 3014 Peringkat 11, Freezone

Contact Us | Link | Terms & Conditions | Privacy Statement

© duitaku.com, 2004. All Rights Reserved

LANGKAH 3

A. Isi semua maklumat yang dikehendaki

- Nama
- Nama keluarga
- Alamat e-mel (tidak wajib)
- Jantina

- Tarikh lahir
- Alamat surat menyurat
- Nombor telefon (tidak wajib)
- Status pelajar
- Maklumat sekolah angkat

B. Klik kotak ‘terma’ dan ‘syarat’

C. Setelah selesai, tekan butang “submit”

duitSaku.com
BE SMART AND MONEY WISE

DuitSaku.com Membership Registration

Step 2: Fill in Registration Form

1 Please fill in the registration form.
(You must fill in all the compulsory fields marked with asterisk *)

2 After you have filled in the boxes, click 'SUBMIT' button at the bottom of the page.

Username : xxxxxxxx

First Name :

Family Name* :
If your name is Ali bin Madmud, Ali is the first name, Madmud is the Family Name; If your name is Chan Mei Ling, Mei Ling is the first name, Chan is the Family Name

Email Address :
Please make sure you type the correct email address! In case you forget your password, we will email the password to you.

Gender : Male Female

Date of Birth : Day Month

Home Address :

City :

State :

Postcode* : number format only (e.g. 50480)

Country : Malaysia

Phone Number : number format only (e.g. 0376543210)

I am a* : Please Select

School level : Please Select

School Info
The following fields are compulsory if you are a student.

State : Please Select

District : Please Select

School Name : Please Select

Please tick in the box below if you agree with the terms & conditions.

I have read and agreed with the terms and conditions of this website.

Contact Us | Link | Terms & Conditions | Privacy Statement
© duitsaku.com. 2006. All Rights Reserved

3.3 LAMAN WEB LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PENDIDIKAN KEWANGAN

Untuk menambah pengetahuan mengenai pendidikan kewangan, berikut ialah laman yang boleh dilayari.

- www.bankinginfo.com
- www.insuransinfo.com
- www.kidsbank.com
- www.moneyopolis.com
- www.beginnersinvest.about.com
- www.moneyinstructor.com
- www.learningforlife.fsu.edu
- www.min.com.my
- www.italladdsup.org

MODUL 4 - LAWATAN KE BANK ANGKAT

Guru penasihat KKPS dan ahli kelab boleh mengadakan satu sesi lawatan ke bank angkat sekolah. Hubungi pegawai di bank angkat untuk merancang lawatan ini.

4.1 SESI LAWATAN

4.1.1 Tujuan lawatan

Lawatan ke bank angkat ialah satu pendedahan terhadap pendidikan kewangan yang membolehkan pelajar mengetahui peranan dan operasi sesebuah bank dengan lebih mendalam.

4.1.2 Lawatan ke bahagian operasi bank

Antara bahagian operasi yang boleh dilawati termasuk:

- Kaunter deposit dan pengeluaran wang/ruang legar bank.
- Bahagian pinjaman dan pembiayaan.
- Cara-cara mengguna mesin ATM.
- Peti simpanan bank.

4.2 SESI TAKLIMAT

4.2.1 Taklimat daripada wakil bank angkat

Taklimat daripada wakil bank angkat perlu merangkumi sekurang-kurangnya maklumat berikut:

- Nama pengurus cawangan dan kakitangan bank angkat.
- Latar belakang bank.
- Carta organisasi.
- Operasi perbankan yang dijalankan.
- Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.
- Tugas dan tanggungjawab pengurus bank.

4.3 SESI SOAL JAWAB

4.3.1 Soalan-soalan panduan

Berikut adalah beberapa soalan panduan yang boleh dibangkitkan oleh pelajar semasa sesi soal jawab bersama wakil bank angkat.

- Mengapa anda perlu merancang/mengurus kewangan anda?
- Apakah faedah menyimpan wang di bank?
- Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat pinjaman bank?
- Bagaimanakah faedah/keuntungan bagi pinjaman ditentukan?
- Apakah ciri-ciri pembayaran melalui cek dan kad kredit?
- Apakah perbezaan antara perbankan secara konvensional dengan secara Islam?
- Apakah insurans? Mengapa perlu insurans?
- Apakah ciri-ciri skim cepat kaya?

MODUL 5 - AKTIVITI PENDIDIKAN KEWANGAN

Modul ini menyediakan aktiviti permainan dan kuiz berunsur pendidikan kewangan, yang boleh digunakan oleh guru penasihat KKPS bagi mengadakan aktiviti sampingan bersama dengan ahli kelab.

5.1 PERMAINAN PANDORASA

5.1.1 Tujuan permainan

Permainan yang berkonsepkan permainan Monopoli atau Shahiba ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada konsep asas pendidikan kewangan. Permainan ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar sambil berhibur.

5.1.2 Pengurusan permainan

1. Pembahagian tugas

Guru penasihat dikehendaki melantik 3 orang pelajar untuk menjadi:

- Penjaga Kotak Pandora
- Pegawai bank
- Penjaga masa

2. Pembahagian pelajar dalam kumpulan

Pelajar dibahagikan kepada kumpulan yang diwakili oleh 8-10 orang pelajar setiap kumpulan.

3. Keperluan/Peralatan

- Wang Permainan
- Tapak Pandorasa
- “Blue tack”
- “Pen Marker”
- Kertas Mahjong-(3 hingga 4 keping bagi setiap kumpulan)
- Dadu besar
- Nota Misteri
- Kotak Pandora (kotak biasa untuk mengisi nota misteri)

4. Pengurusan kumpulan pelajar

- Setiap kumpulan hendaklah melantik:
 - ◊ *Seorang Akauntan* - Tugas Akauntan adalah untuk mencatat wang keluar dan wang masuk ke dalam lejar.
 - ◊ *Dua orang Pentadbir* - Tugas Pentadbir adalah untuk menampal nota misteri yang diperolehi pada kertas mahjong.
 - ◊ *Seorang Pelapor* - Tugas Pelapor adalah untuk melaporkan untung/rugi dan apa yang mereka alami ketika bermain.
- Dengan bantuan guru penasihat, setiap ahli dalam kumpulan akan diberi nombor giliran masing-masing untuk membalik dadu semasa permainan ini.
- Setiap kumpulan akan diberi maskot yang boleh dilekatkan pada tapak Pandorasa. Maskot ini menjadi lambang bagi kumpulan tersebut.

5. Langkah-langkah Permainan

• Sebelum Permainan

Pada awal permainan, setiap kumpulan diberi wang permainan sebanyak RM2,000.

• Semasa permainan

◊ *Giliran membalik dadu*

Bagi setiap pusingan, semua ahli kumpulan mempunyai peluang untuk membalik dadu. Bagi menentukan kumpulan yang akan memulakan permainan adalah berdasarkan cabutan undi yang dibuat oleh guru penasihat.

◊ *Pergerakan*

Pergerakan kedudukan maskot di tapak pandorasa mengikut keputusan balingan dadu boleh dibuat oleh guru penasihat.



◊ *Petak kotak Pandora*

Jika maskot kumpulan peserta berada di kotak pandora, peserta dikehendaki mengambil nota misteri daripada penjaga kotak pandora. Peserta hendaklah membaca nota misteri tersebut supaya ahli yang lain dapat mendengar. Selepas itu, peserta hendaklah menyerahkan nota misteri tersebut kepada pentadbir kumpulan untuk ditampalkan di atas kertas mahjong.

◆ *Memenangi wang tunai*

Sekiranya peserta memenangi wang tunai, sila dapatkan wang tersebut daripada Jurubank. Akauntan bagi setiap kumpulan hendaklah menyediakan lejar dan mencatat wang masuk, wang keluar dan baki.

5.1.3 Tapak Permainan Pandorasa

24 MELAWAT PENJARA	1	2	3 KOTAK PANDORA	4	5	9 KOTAK PANDORA	7
23 SILA AMBIL ELAUN ANDA RM1,000							8 KOTAK PANDORA
22 KOTAK PANDORA							9
21							10 KOTAK PANDORA
20 KOTAK PANDORA							11
19	18 KOTAK PANDORA	17	16	15 KOTAK PANDORA	14	13	12 TERJEBAK DALAM KEGIATAN HARAM DAN DIPENJARAKAN

5.1.4 Kandungan Nota Misteri Kotak Pandora

SKIM CEPAT KAYA

Alamak! Saya kehilangan separuh daripada wang pelaburan saya kerana terjebak dalam skim cepat kaya.

Arahan: Bayar kepada Jurubank separuh daripada wang di tangan anda

PELABURAN YANG BIJAK

Saya mendapat sijil premium berharga RM500.00 kerana telah membuat pelaburan bijak dalam sebuah institusi kewangan.

Arahan: Tuntut RM500.00 daripada Jurubank

YURAN PELAJARAN

Saya dikehendaki membayar yuran pelajaran di institusi pengajian tinggi sebanyak RM500.00.

Arahan: Tuntut RM500 daripada Jurubank

KITAR SEMULA UNTUK MENAMBAH WANG SIMPANAN

Saya telah menjual barang terpakai. Hasil daripada jualan itu adalah sebanyak RM200.00.

Arahan: Tuntut RM200.00 daripada Jurubank

PELABURAN YANG BIJAK

Saya telah menerima dividen sebanyak RM500.00 daripada hasil pelaburan dalam amanah saham saya.

Arahan: Tuntut RM500.00 daripada Jurubank

SKIM CEPAT KAYA

Rakan saya telah berjaya memperdaya saya untuk melibatkan diri dalam perniagaan skim cepat kaya. Pihak berkuasa berjaya mengesan kegiatan saya dan saya dihukum penjara serta didenda RM2,000.00.

Arahan: Bayar kepada Jurubank sebanyak RM2,000.00

TIDAK MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN

Tidak membayar cukai pendapatan adalah salah dari segi undang-undang. Saya telah didapati cuai meskipun telah menerima notis daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Memandangkan ini adalah kesalahan kali pertama saya, saya cuma didenda sebanyak RM200.00.

Arahan: Bayar RM200.00 kepada Jurubank

INSURANS

Saya telah mengambil langkah yang bijak kerana membeli insurans pada masa usia muda. Insurans saya telah matang dan sekarang tibalah masanya untuk saya meraih keuntungan dan menerima pulangan pertama sebanyak RM3,000.00.

Arahan: Tuntut RM3,000.00 daripada Jurubank

INSURANS PENDIDIKAN

Saya telah diterima untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Dengan keprihatinan ibubapa saya yang bijak membuat pelaburan awal dengan membeli insurans pendidikan untuk saya semasa saya masih kecil, saya menerima wang daripada syarikat insurans sebanyak RM4,000.00 untuk membayar yuran pelajaran saya.

Arahan: Tuntut RM4,000.00 daripada Jurubank

MASUK HOSPITAL

Saya ditimpa kemalangan jalan raya dan terpaksa dirawat di hospital swasta selama 10 hari. Saya bernasib baik kerana saya mempunyai insurans dan bayaran ditanggung oleh pihak insurans. Di samping itu, saya dibayar elaun harian berjumlah RM1,000.00.

Arahan: Tuntut RM1,000.00 daripada Jurubank

MASUK HOSPITAL

Saya ditimpa kemalangan jalan raya dan terpaksa dirawat di hospital selama 10 hari. Saya telah memilih untuk dirawat di hospital swasta dan terpaksa menanggung kos perubatan dan penginapan di hospital sebanyak RM2,500.00 kerana tidak mempunyai perlindungan insurans perubatan.

Arahan: Bayar RM2,500.00 kepada Jurubank

MUNDUR TIGA PETAK

Oleh kerana saya terlupa untuk mengisi BWS, perancangan saya menjadi tidak teratur.

Tindakan: Sila mundur tiga petak.

MAJU TIGA PETAK

Pada bulan ini, dengan galakan ibubapa dan guru, saya telah mencatat perbelanjaan dalam BWS dengan teratur setiap hari. Sila maju tiga petak. Untuk setiap petak, saya mendapat bonus sebanyak RM50.00.

Arahan: Tuntut RM150.00 daripada Jurubank

HADIAH BONUS

Pada bulan ini, dengan galakan ibubapa dan guru, saya telah mencatat perbelanjaan dalam BWS setiap hari. Untuk setiap petak yang saya lalui, saya mendapat bonus sebanyak RM50.00.

Arahan: Baling dadu dan kira mata. Tuntut daripada Jurubank

LANGKAH KEWANGAN YANG BIJAK

Saya telah menyimpan wang dalam simpanan tetap di bank. Saya telah dibayar faedah/keuntungan sebanyak RM500.00.

Arahan: Tuntut RM500.00 daripada Jurubank

CEK TENDANG

Saya telah membeli sebuah permainan video dan membayarnya dengan cek tendang. Saya dikenakan denda RM100.00.

Arahan: Bayar RM100.00 kepada Jurubank

CEK TENDANG

Saya telah membuat pembayaran dengan menggunakan 3 cek tendang. Saya dikenakan denda RM300.00.

Arahan: Bayar RM300.00 kepada Jurubank

KAD KREDIT

Saya telah membuat perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit sebanyak RM200.00 pada awal bulan. Pada akhir bulan, saya membayar bank yang mengeluarkan kad kredit itu sebanyak RM200.00.

Arahan: Bayar RM200.00 kepada Jurubank

KAD KREDIT

Saya telah membuat perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit sebanyak RM500.00. Tetapi saya telah menangguhkan pembayaran kepada bank yang mengeluarkan kad kredit itu selama tiga bulan. Selepas 3 bulan, saya terpaksa membayar RM515.00 untuk menjelaskan hutang. Di samping itu, saya juga dikenakan denda lewat sebanyak RM10.00.

Arahan: Bayar RM525.00 kepada Jurubank

PINJAMAN PENDIDIKAN

Saya telah meminjam daripada bank untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, saya terpaksa membayar hutang saya dengan potongan gaji bulanan sebanyak RM200.00 sebulan. Setiap petak ke hadapan, saya terpaksa membayar sebanyak RM200.00.

Arahan: Kira petak yang dilalui dan darab RM200.00, bayar jumlahnya kepada Jurubank

MEMBELI HARTA TANAH

Sewa bagi harta tanah kumpulan kami di Lot ____ ditetapkan sebanyak RM100.00 setiap pengguna yang berhenti di harta tanah kami.

Arahan: Tuntut RM100.00 daripada setiap pemain yang berhenti di tapak harta tanah anda.

5.2 KUIZ KEWANGAN

5.2.1 Kuiz simpanan & pelaburan

Sila tandakan (✓) pada jawapan yang betul. Jawapan telah dihitamkan.

1. Semakin lama wang saya berada dalam akaun simpanan, semakin banyak saya akan mendapat pulangan daripada simpanan tersebut.
 Ya
 Tidak
2. Yang mana satukah antara berikut cara yang terbaik untuk meningkatkan nilai akaun simpanan?
 Jarang membuat pengeluaran
 Kerap membuat simpanan
 Membiarkan wang dalam simpanan selama mungkin
 Semua jawapan di atas
3. Kita tidak boleh mendapat maklumat tentang banyak jenis saham daripada:
 Laporan tahunan syarikat
 Surat khabar
 Buku resepi
 Internet
4. Simpanan untuk pendidikan anak-anak selalunya dikaitkan dengan sasaran jangka panjang.
 Betul Salah
5. Bayaran sewa disifatkan sebagai perbelanjaan tetap.
 Betul Salah
6. Contoh sasaran jangka panjang ialah:
 Percutian tahunan
 Simpanan untuk bersara
 Membeli kereta terpakai
 Menamatkan pendidikan universiti dalam masa 6 bulan

7. Contoh perbelanjaan tetap bulanan
- Pakaian
 - Ansuran bulanan pinjaman perumahan**
 - Bil elektrik
 - Perbelanjaan pendidikan
8. Lebih mudah bagi saya menukarkan barangan yang telah dibeli di kedai jika saya mempunyai resit jualan.
- Ya** Tidak
9. Dengan mencatat perbelanjaan, ini dapat membantu saya memantau baki wang saku saya.
- Ya** Tidak
10. Membeli tanpa perancangan adalah tindakan yang bijak.
- Ya **Tidak**
11. Perancangan perbelanjaan secara bertulis adalah cara yang terbaik untuk merancang perbelanjaan anda dengan lebih sistematik dan teratur.
- Betul** Salah
12. Anda sepatutnya membincangkan perancangan perbelanjaan dengan ibu bapa/ guru penasihat KKPS anda terlebih dahulu.
- Betul** Salah
13. Semua orang mempunyai perancangan perbelanjaan yang serupa.
- Betul **Salah**
14. Perancangan perbelanjaan saya adalah tetap di sepanjang tahun.
- Betul **Salah**

15. Wang simpanan dapat membantu saya untuk:

- Perbelanjaan di waktu kecemasan
- Perbelanjaan perubatan dan rawatan
- Perbelanjaan pengajian saya pada masa depan
- Semua jawapan di atas**

16. Keperluan berbelanja adalah untuk:

- Membeli sesuatu yang nampak elok untuk saya
- Membeli sesuatu yang rakan karib saya juga ada
- Membeli sesuatu yang saya perlu untuk kehidupan seharian saya**
- Membeli barangan yang pertama yang telah saya lihat di kedai

17. Pilihan perbelanjaan yang terbaik adalah:

- Sentiasa berbelanja di kedai yang terkenal
- Membanding-bandingkan pilihan saya sebelum membeli**
- Membeli barangan yang sama dengan rakan saya
- Sentiasa meminjam daripada rakan saya

18. Menggunakan wang saku untuk tujuan pelaburan adalah sebahagian daripada perancangan perbelanjaan

- Betul**
- Salah

5.2.2 Kuiz perbankan

(Sila pilih jawapan A, B, C atau D)

1. Jual beli secara **barter** berlaku apabila

- a) **penjual roti dan pembuat kasut masing-masing bertukar roti dan kasut untuk kegunaan mereka.**
- b) anda pergi ke bank untuk mendapatkan pinjaman.
- c) peniaga menjual stok lama mereka dengan harga murah.
- d) penjual sayur membayar penjual roti dengan wang untuk membeli sebuku roti.

2. Wang dihasilkan dalam dua bentuk, iaitu:
 - a) kayu dan besi
 - b) daun dan batu
 - c) syiling dan kertas**
 - d) angin dan air

3. Wang kertas mula digunakan di
 - a) Republik Rakyat China**
 - b) Mesopotamia
 - c) Malaysia
 - d) India

4. Akaun simpanan...
 - a) digunakan untuk menyimpan wang anda di bank**
 - b) adalah tempat anda menyimpan barang kemas anda
 - c) merupakan sejenis akaun pinjaman
 - d) adalah akaun yang digunakan untuk membuat pembayaran

5. Buku simpanan bank anda digunakan untuk
 - a) memberitahu anda berapa kali anda akan berurus niaga dengan bank anda.
 - b) memberi anda maklumat wang baki dalam akaun anda.**
 - c) memberi maklumat kadar faedah pinjaman di bank anda.
 - d) mencatat segala pembayaran yang telah dibuat kepada pemiutang anda.

6. Memasukkan wang ke dalam akaun simpanan juga dipanggil
 - a) permohonan wang
 - b) mendeposit wang**
 - c) peminjaman wang
 - d) pengeluaran wang

7. Mengeluarkan wang daripada akaun simpanan juga dipanggil
 - a) pengeluaran wang**
 - b) mendepositkan wang
 - c) peminjaman wang
 - d) penghasilan wang

8. Baki wang dalam akaun anda ialah
- a) baki bawa ke bawah
 - b) baki bawa ke hadapan
 - c) wang masuk tolak wang keluar**
 - d) wang tunai tolak pinjaman bank
9. Bank memberi anda faedah/keuntungan atas wang simpanan anda kerana
- a) anda meminta faedah/keuntungan tersebut
 - b) pihak bank ingin melakukan sesuatu yang baik untuk anda
 - c) pihak bank menggunakan wang anda untuk mendapatkan keuntungan untuk anda**
 - d) anda tidak membuat sebarang pinjaman di bank tersebut
10. Antara yang berikut, yang manakah **bukan sejenis akaun simpanan**?
- a) akaun semasa
 - b) akaun simpanan tetap
 - c) akaun simpanan biasa
 - d) akaun kad kredit**
11. Jumlah deposit dan pengeluaran akaun simpanan anda
- a) akan sentiasa menunjukkan jumlah negatif
 - b) bersamaan dengan baki akaun anda**
 - c) akan sentiasa menunjukkan baki berkurangan
 - d) akan sentiasa menunjukkan baki yang bertambah
12. Buku akaun simpanan anda digunakan untuk menyimpan maklumat
- a) berkenaan dengan bank anda
 - b) simpanan dan pinjaman anda
 - c) waktu operasi bank anda
 - d) deposit dan pengeluaran wang anda**
13. Apabila anda menyimpan wang anda di bank, pihak bank memberi anda
- a) hadiah-hadiah menarik
 - b) tiket pelancongan ke destinasi menarik
 - c) wang tambahan**
 - d) telefon bimbit dan kamera digital

14. Bank akan memberi anda pinjaman untuk membeli
- a) makanan
 - b) pinggan mangkuk
 - c) telefon bimbit
 - d) rumah**
15. Faedah / pulangan yang diberi oleh bank
- a) adalah sejenis sugu hati yang diberi kepada semua pelanggan mereka
 - b) berlaku apabila pihak bank meminta pendapat anda
 - c) adalah wang lebih yang diberi atas wang simpanan anda**
 - d) berlaku apabila anda memiliki sebahagian daripada bank tersebut
16. Kesemua berikut boleh menjadi faktor perubahan kadar faedah bank **kecuali**
- a) perubahan keadaan ekonomi negara
 - b) perubahan dasar kewangan Kerajaan
 - c) peperangan/bencana alam
 - d) hari kemerdekaan Malaysia**
17. Bila anda meminjam wang daripada bank, anda
- a) tidak perlu bayar balik
 - b) bayar balik mengikut kemampuan anda
 - c) bayar balik pinjaman tersebut bersama-sama dengan faedah yang dikenakan**
 - d) bayar balik faedah yang dikenakan
18. Untuk membayar kos pengajian tinggi anda, anda boleh
- a) meminjam wang daripada bank
 - b) menggunakan wang anda dalam akaun simpanan anda
 - c) membeli insurans pendidikan
 - d) ke semua di atas**
19. Cara untuk mendapat faedah/pulangan yang terbanyak daripada bank ialah
- a) Menyimpan sedikit untuk jangkamasa yang pendek
 - b) Menyimpan banyak untuk jangkamasa yang pendek
 - c) Menyimpan sedikit untuk jangkamasa yang panjang
 - d) Menyimpan banyak untuk jangkamasa yang panjang**

20. Cek adalah

- a) sehelai kertas yang tidak mempunyai nilai
- b) sejenis perjanjian untuk membuat pembayaran kepada seseorang**
- c) gelaran bagi cawangan bank yang tidak menyediakan khidmat pinjaman
- d) sejenis akaun pinjaman

21. Bila anda membawa cek ke bank, anda

- a) perlu menandatangani cek tersebut ke dalam akaun anda**
- b) akan diberi kemudahan pinjaman
- c) akan diberi faedah / pulangan
- d) perlu mendapatkan pengesahan daripada pengurus cawangan bank tersebut

22. Akaun semasa memberi anda kemudahan

- a) pembayaran melalui cek**
- b) pinjaman kereta
- c) pelaburan saham amanah
- d) kad kredit

23. Cek tendang bermaksud

- a) akaun anda ditutup sementara
- b) anda kehabisan cek
- c) tidak cukup wang dalam akaun anda untuk membuat pembayaran**
- d) permohonan pinjaman anda ditolak

24. Cek mesti ditulis dengan menggunakan

- a) pensil
- b) pen**
- c) pensil warna
- d) apa-apa sahaja

25. Bila mengisi cek, anda mesti menulis semua yang berikut kecuali

- a) haribulan
- b) tandatangan
- c) jumlah dalam bentuk nombor dan perkataan
- d) nama bank**

26. Apakah yang anda perlukan untuk membuat pengeluaran daripada mesin ATM?

- a) Cek dan wang simpanan
- b) Kad ATM dan wang simpanan dalam akaun anda**
- c) Faedah dan keuntungan
- d) Deposit dan pengeluaran

27. Nombor PIN adalah nombor

- a) akaun anda
- b) kakitangan anda
- c) keselamatan ATM anda**
- d) kenderaan anda

28. Wang yang dikeluarkan daripada mesin ATM

- a) adalah wang yang berlebihan di bank
- b) adalah sejenis pinjaman yang mesti dibayar balik
- c) akan ditolak daripada baki akaun anda**
- d) mesti didepositkan ke dalam akaun anda

29. Kad kredit ialah sejenis

- a) instrumen pembayaran yang tidak melibatkan wang tunai**
- b) deposit yang tidak perlu dibayar balik
- c) pengeluaran yang mesti dimasukkan balik
- d) cek tendang

30. Kad kredit boleh digunakan untuk membeli barangan yang berikut kecuali

- a) makanan
- b) seluar
- c) bangunan**
- d) motosikal

PASUKAN PENGGUBAL

◆ **Pengerusi**

Y.Bhg. Dato' Salleh bin Mohd. Hussein

*Pengarah
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia*

◆ **Naib Pengerusi**

Tuan Haji Abdul Aziz bin Abdul Manaf

*Timbalan Pengarah
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia*

◆ **Setiausaha**

Encik Zais bin Mohd. Akil

*Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia*

◆ **Penolong Setiausaha**

Tuan Haji Kamarudin bin Ismail

*Penolong Pengarah
Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia*

◆ **Ahli-ahli**

1. Puan Maznon bte Mohd. Isa

*Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia*

2. Encik Abu Hassan Alshari Yahaya

Bank Negara Malaysia

3. Puan Rugayyah Harun

Bank Negara Malaysia

4. Tuan Syed Idrus bin Syed Alwi

Bank Negara Malaysia

5. Encik Wan Mohd. Ariffin bin Wan Hussin

*Jabatan Pelajaran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

6. Encik Mohd. Afandi bin Md. Taib

Jabatan Pelajaran Negeri Perak

7. Encik Faridon Kamal Fadzil

Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang

8. Encik Salleh bin Mohd. Ali

Jabatan Pelajaran Negeri Melaka

9. Encik Tadzim bin Mansor

Jabatan Pelajaran Negeri Negeri Sembilan

10. Puan Siti Dewi Marshita

Jabatan Pelajaran Negeri Selangor

11. Encik Subari bin Dwar

*Jabatan Pelajaran Wilayah
Persekutuan Labuan*

12. Encik Razali bin Yahya

Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

13. Encik Azman bin Ansar

Jabatan Pelajaran Negeri Johor

14. Puan Nailly L. Ambullon

Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

15. Puan Arzuna bte Yusof

Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak

16. Tuan Haji Hamat bin Che Man

Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan

17. Encik Aminullah bin Zakaria

Jabatan Pelajaran Negeri Perlis

18. Encik Zailan Kamarudin bin Othman

Jabatan Pelajaran Negeri Pahang

BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JANUARI - MEI 20_____

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... Bilangan Ahli Kelab:.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JANUARI - MEI 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JANUARI - MEI 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JANUARI - MEI 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JANUARI - MEI 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....
.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JUN - OKTOBER 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JUN - OKTOBER 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN PELAJAR SEKOLAH JUN - OKTOBER 20_____

Sekolah:.....

Alamat:.....
.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JUN - OKTOBER 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD

**BORANG LAPORAN AKTIVITI KELAB KEWANGAN
PELAJAR SEKOLAH JUN - OKTOBER 20_____**

Sekolah:.....

Alamat:.....

.....

Daerah / Zon:..... **Bilangan Ahli Kelab:**.....

Nama Bank Angkat:.....

Nama Guru Penasihat: 1:.....

2:.....

Bil	Tarikh	Aktiviti	Impak / Ulasan Guru

Guru Penasihat

Wakil PPD